

25 JUL 2000

Embargo/0001/26 Julai

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA REPUBLIK MALDIVES

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah telah mengirimi perutusan tahniah kepada Presiden Maldives Maumoon Abdul Gayoom sempena ulang tahun ke-35 Hari Kemerdekaan negara itu hari ini.

Menurut Seri Paduka, Malaysia yakin bahawa hubungan akrab dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus berkembang demi kepentingan rakyat kedua-dua negara.

"Semoga Allah memelihara kesihatan Tuan Yang Terutamat dan mengurniakan keamanan dan kemakmuran kepada rakyat Maldives," menurut perutusan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang sama kepada Ketua Negara itu sambil berkata Malaysia dan Maldives terus menjalin kerjasama dan hubungan rapat.

Dr Mahathir berkata beliau menaruh harapan semoga kedua-dua negara dapat mempertingkatkan lagi hubungan dan kerjasama pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Fathulla Jameel.

-- BERNAMA

AR AHH FAZ